

05/04/2000

Malaysia bantu penerbit Bollywood

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia sedia memberi sokongan kepada penerbit Bollywood, pusat industri filem kedua terbesar di dunia, untuk membuat penggambaran di negara ini dalam usaha membantu memesatkan lagi industri pelancongan.

Jaminan itu diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada enam penerbit filem dari Mumbai yang menemuinya di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Penerbit itu ialah bekas aktres yang kini menjadi penerbit dan pengarah Sai Sapru Creation, Priti Sapru; Rakesh Nath dan Reema Rakesh Nath (Dashaka Films Entertainment); Catharin Olivia (Sogun Films); dan Avtar Kohli (Ak International Motion);

Perdana Menteri juga berjanji Malaysia akan memberi segala bantuan yang perlu kerana menyedari filem Bollywood ditonton kira-kira 300 juta penonton di seluruh dunia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, memberitahu sidang akhbar selepas pertemuan itu, Perdana Menteri mengalu-alukan hasrat penerbit filem itu dan mahu supaya Malaysia dijadikan lokasi penggambaran mereka.

"Dengan jumlah penonton yang begitu besar, langkah berkenaan turut mempromosikan Malaysia bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong," katanya selepas pertemuan selama lebih setengah jam itu.

Abdul Kadir berkata, filem keluaran Bollywood bukan saja popular di Timur Tengah dan negara Barat yang mempunyai ramai penduduk keturunan India, malah di Asia Tenggara.

"Jika penggambaran filem Bollywood dibuat di negara ini, maka ia boleh ditonton kira-kira 300 juta orang. Kita tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk iklan bagi mencapai jumlah penonton sebanyak itu.

"Oleh itu, kerajaan sanggup memberi kerjasama. Kementerian saya akan bertindak sebagai pusat sehati bagi menyelaras segala kegiatan pembikinan filem.

"Misalnya jika penerbit mahu melakukan penggambaran di sekitar lapangan terbang atau di bangunan tertentu, maka kementerian saya akan meminta kebenaran kepada pentadbir di situ bagi membolehkan penggambaran dibuat.

"Memang sebelum ini ada aduan daripada penerbit asing bahawa mereka terpaksa melalui pelbagai jabatan dan kerena birokrasi ini akan dikurangkan melalui kerjasama penuh kementerian saya," katanya.

Abdul Kadir berkata, penggambaran filem oleh penerbit antarabangsa terutama dari Bollywood akan turut membantu mempromosikan kebudayaan selain industri pelancongan tempatan.

Beliau juga sudah menghubungi pihak penerbit filem di Belanda, United Kingdom dan Perancis dalam lawatannya ke negara terbabit baru-baru ini dan perbincangan susulan akan diadakan tidak lama lagi dalam usaha membawa sebanyak mungkin pengeluar filem untuk membuat penggambaran di Malaysia.

"Ini sememangnya menjadi hajat Perdana Menteri supaya Malaysia terkenal melalui promosi dalam filem. Misalnya, selama ini lebih 100 filem Hindi sudah dibuat penggambaran di Switzerland dan kita (Malaysia) baru memulakannya.

"Sebab itu saya bawa enam penerbit dari Bollywood ini untuk berjumpa Perdana Menteri supaya usaha mereka membuat penggambaran di negara ini lebih mudah. Saya yakin mereka akan turut menggunakan artis dan penari

tempatan. Ini juga akan membantu memperkembangkan industri hiburan tempatan," katanya.

(END)